Pembelajaran Ilmu Qiraat dan al-Quran merupakan bidang yang saling berkait rapat terutama dalam penguasaan bacaan al-Quran. Pembelajaran Ilmu Qiraat di Malaysia amnya dan di Negeri Perak khasnya, berjalan seiring dengan perkembangan dakwah Islam yang telah sampai ke Tanah Melayu semenjak era kedatangan Islam hinggalah ke zaman penjajah (Mohd Yusuf Ahmad, 2005). Ketika itu, Ilmu Qiraat hanya diajar oleh para ulama dan guru-guru agama melalui institusi pondok, madrasah dan rumah kediaman mereka sahaja (Mohd Salleh Lebar, 1992). Walau bagaimanapun pembelajaran Ilmu Qiraat pada ketika itu bukanlah keutamaan. Pembelajaran Ilmu Qiraat ketika itu lebih terhad kepada inisiatif peribadi para pelajar, guru atau institusi tertentu yang mahu memperkembangkan bidang ini (Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar, Mohd Fauzi Mohd Amin, Khairul Anuar Mohamad & Mohd Alwi Yusoff (2004).

Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat sangat sinonim dengan Maahad Tahfiz al-Quran sejak ia mula diperkenalkan di Malaysia. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat BAHES (kini Darul Quran) merupakan institusi tahfiz kerajaan pertama yang menawarkan Pembelajaran Ilmu Qiraat secara formal di Malaysia. Penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat yang pertama adalah hasil cetusan idea oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Masjid Negara Kuala Lumpur (Dr. Nordin.2015). Penubuhannya adalah bertujuan mempelajari ilmu berkaitan al-Quran terutama pembelajaran Ilmu Qiraat. Hasrat ini timbul selepas Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang pertama diadakan pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



tahun 1960, dimana buat pertama kalinya bacaan al-Quran beserta Qiraat dibaca oleh Sheikhul Azhar, almarhum Sheikh Syaltut. Kelas pengajian Menghafaz al-Quran yang ditubuhkan pada tahun 1966 di Masjid Negara terus berkembang hingga tertubuhnya Darul Quran JAKIM (Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat@Darawi (2005).

Pada peringkat permulaan pengurusan kelas pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Kemudian Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat tersebut diletakkan di bawah cabang Institut Dakwah dan latihan Islam (INDAH) Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983. Pada tahun 1983 nama Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat telah ditukar kepada Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (IPTQ). Pada tahun 1984, IPTQ telah dijadikan sebagai sebuah Cawangan di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri dengan mempunyai organisasinya yang tersendiri. Pada tahun 1997, IPTQ telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran (Mohd Zaini. 2016).

Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat turut ditubuhkan di setiap negeri bermula pada tahun 1979 di Kelantan, diikuti pada 1980-an di negeri Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor. Seterusnya pada tahun 1990-an di negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah. Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat negeri Johor dan Pulau Pinang yang terakhir ditubuhkan pada 1996 (Adnan Mohamed Yusoff, Norakyairee Mohd Raus & Khairul Anuar Mohamad, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Negeri Perak merupakan negeri terawal mempunyai sejarah pembelajaran al-Quran yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri. Seawal tahun 1917 Komuniti Quran negeri Perak telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Sultan Iskandar Shah Ibni al-Marhum Sultan Idris Shah (1918-1938) yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu (Darul Quran JAKIM.2020). Pada tahun 1985, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. 1099, Kerajaan negeri Perak telah meluluskan penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MMK. 1985). Ini menjadikan negeri Perak, negeri pertama yang menubuhkan Maahad Tahfiz yang dibiayai oleh Kerajaan negeri. Pada tahun 2009, sekali lagi, melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan bil. 1578, Kerajaan negeri Perak telah meluluskan cadangan mewujudkan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) di setiap daerah. Kini sebanyak empat buah SMTDR telah beroperasi. Sebanyak 65 buah Maahad Tahfiz swasta ditubuhkan dan berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk.edu.my). Semua Maahad tahfiz yang ditubuhkan adalah untuk memelihara *Kalam* al-Quran.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Penubuhan institusi tahfiz al-Quran bertujuan untuk memelihara al-Quran serta melahirkan golongan hafiz yang mahir dalam bidang al-Quran disamping penambahan ilmu-ilmu lain (INTIM.1999). Namun apa yang berlaku, kebanyakkan penawaran pembelajaran al-Quran di institusi tahfiz kini tidak menawarkan pembelajaran Ilmu Qiraat. Pembelajaran tahfiz al-Quran tanpa pembelajaran Ilmu Qiraat *Mutawatirah* merupakan satu kepincangan dalam memelihara bacaan al-Quran. Berdasarkan laporan kajian Tahfiz negeri Perak (MAIPK 2018), perkembangan menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sekolah aliran menghafaz al-Quran atau institusi tahfiz mula mendapat perhatian istimewa daripada masyarakat. Setiap daripadanya menawarkan sistem dan pendekatan yang pelbagai dan tersendiri. Perkembangan dan kepelbagaian ini tentunya mempunyai kelebihan dan kelemahan serta memberi impak yang besar kepada generasi masa hadapan dan sistem pendidikan negara secara keseluruhan. Namun apa yang membimbangkan, kebanyakkan penawaran pengajian al-Quran di institusi tahfiz ini, tidak menawarkan pembelajaran Ilmu Qiraat.

Manakala institusi tahfiz yang menawarkan Ilmu Qiraat pula, terdapat banyak kepincangan terutama dalam menyediakan sukatan pembelajaran Ilmu Qiraat. Berdasarkan laporan Penaziran Akademik Darul Quran yang memantau pelaksanaan kurikulum Qiraat di institusi pengajian tahfiz negeri mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam pengawalan pelaksanaan kurikulum Qiraat seperti menggunakan modul lama yang tidak dikemas kini, persediaan dan proses pengajaran Qiraat (Kertas PERMATA 1/2014); (Kertas PERMATA 2/2014); (Kertas PERMATA 1/2015). Pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat juga didapati masih belum mencapai standard yang ditetapkan antaranya tenaga pengajar yang tidak mencukupi, tidak menyedia dan mengemas kini fail pengajaran dan pembelajaran, tidak mengambil tindakan terhadap pelajar yang tidak cukup kehadiran kuliah dan tidak melaporkan pelajar yang tidak cukup sukatan. Kajian Zainora Daud (2015) menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap Ilmu Qiraat berada pada tahap sederhana rendah. Beberapa faktor dikaitkan menjadi penyebab antaranya kelemahan tenaga pengajar, permasalahan yang berpunca daripada pelajar, masa pembelajaran dan sebagainya. Begitu juga kajian Abd Rahman et al (2012) mendapati tahap penguasaan Qiraat dalam kalangan pelajar masih di peringkat sederhana iaitu sebanyak 62.2%. Manakala kemampuan pelajar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mengaplikasikan dan mengamalkan bacaan Qiraat berada pada tahap yang lemah iaitu sebanyak 51.1%.

Kajian lepas juga membuktikan terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat (Yusof Abdul Kadir, 2007; Sedek Ariffin, 2008; Aishah Juri, 2009; Sabri Mohamad et al., 2010; Mohd Hilmi Rozali, 2010. Resolusi daripada Seminar Kebangsaan Pendidikan Dan Penyelidikan Qiraat, 2010; Abd Rahman et al., 2012 dan Abdul Jalal Abdul Manaf, 2013). Kenyataan ini menjelaskan bahawa terdapat kekurangan dan permasalahan dalam pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat yang sedang berjalan di institusi pengajian tahfiz al-Quran sekarang (Zainora Daud, 2015). Justeru itu, kajian secara terperinci dan menyeluruh perlu dilakukan bagi memastikan pembelajaran Ilmu Qiraat dapat dilaksanakan sebagai benteng memelihara kesucian dan kesempurnaan bacaan al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain memelihara bacaan al-Quran, Ilmu Qiraat juga berperanan sebagai penyatuan ummah. Kejahilan Ilmu Qiraat, mewujudkan golongan huffaz yang sangsi, menolak atau tidak menerima sebahagian besar bacaan al-Quran dalam riwayat yang lain. Berdasarkan hadith Hisyam, Saidina Umar al-Khatab sangsi terhadap bacaan Hisyam (Al-Bukhari, Sahih, al-Asqalani.1989). "Lepaskan dia wahai Umar. Bacakanlah, wahai Hisham, lalu dia pun membacanya sepertimana bacaan yang telah aku dengar sebentar tadi. Sabda Nabi SAW, begitulah ia diturunkan. Kemudian Nabi SAW pun bersabda, "Bacakanlah wahai Umar." Maka aku membacanya sepertimana yang telah Nabi SAW ajarkan kepadaku. Lalu Nabi SAW bersabda, "Begitulah ia diturunkan, sesungguhnya al-Quran diturunkan atas tujuh *huruf* maka bacalah mengikut apa yang mudah darinya".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Perselisihan bacaan al-Quran berlaku sehingga zaman *tabi'in* dan ia berakhir setelah tersebarnya Ilmu Qiraat pada zaman Ibn al-Jazariyy yang berjaya mengumpulkan sepuluh Qiraat yang berstatus mutawatir (Muhammad al-Habsh.1999). Pembelajaran Ilmu Qiraat mampu melahirkan *(Huffaz)* yang memelihara bacaan al-Quran dan penyatuan umat Islam ketika timbul keraguan terhadap bacaan *kalamullah* ini seperti peristiwa hampir tercetusnya perselisihan umat Islam dalam peperangan pembukaan Armania dan Azarbijan (Abdul Fatah. 1965).

Peristiwa bersejarah ini berakhir dengan tindakan pantas seorang sahabat Nabi SAW Huzaifah al-Yamani RA, mencadangkan kepada Khalifah Uthman bin Affan RA, agar melakukan sesuatu bagi mengelakkan perpecahan. Khalifah Uthman bin Affan RA telah memerintahkan penulisan al-Quran. Beliau telah menghantar ke setiap bandar utama sebuah al-Quran berdasarkan bacaan Qiraatnya beserta seorang guru al-Quran sebagai sukatan yang wajib dipetuhi. Semua al-Quran yang ada, termasuk *suhuf* Abu Bakar RA, dimusnahkan dengan cara dibakar. Umat Islam dapat memelihara kesucian bacaan al-Quran dengan menguasai Ilmu Qiraat.

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan di atas mendorong penyelidik untuk menilai secara mendalam pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat yang telah dilaksanakan di Negeri Perak. Namun kajian ini hanya terhad di institusi Tahfiz al-Quran sahaja. Sehubungan itu, penyelidik ingin mengetahui sejauh manakah kesesuaian pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat yang dilaksanakan bagi institusi tahfiz yang menawarkan subjek Qiraat di institusi Tahfiz al-Quran Negeri Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Penulis memilih Negeri Perak kerana dengan mengkhususkan sesutau tempat, maka memudahkan pengumpulan dan pengurusan data dicapai. Mengkhususkan Negeri Perak tidaklan mengurangkan populisi kajian kerana Negeri Perak mempunyai populasi kajian yang mencukupi. Walaupun wujudnya institusi tahfiz di seluruh Malaysia, namun bagi amalan pembelajaran Ilmu Qiraat semua institusi menggunakan sukatan pembelajaran yang sama iaitu Qiraat *Sab'ah* dan Qiraat *'Asharah Sugra* samada menggunakan silibus Darul Quran JAKIM atau *Maharat* al-Quran KPM.

## 1.4 Objektif Kajian

Setiap kajian sudah tentu mempunyai objektif, hasil serta tujuan apa yang dikaji. Maka, berdasarkan pernyataan masalah, soalan kajian telah diwujudkan untuk dibincangkan bagi mendapatkan jawapan terhadap permasalahan yang dinyatakan di atas. Justeru, kajian yang dilaksanakan ini menetapkan sasaran untuk mencapai objektif berdasarkan komponen penilaian yang dikemukakan. Objektif ini akan menjawab beberapa persoalan yang timbul daripada pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat yang telah dilaksanakan di institusi pengajian tahfiz al-Quran di Negeri Perak. Kajian ini akan memberikan gambaran sebenar berkaitan tahap pelaksanaan dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atau permasalahan yang berlaku di dalam pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat tersebut. Dalam memastikan kajian ini berjalan lancar dan berada pada landasannya, beberapa objektif telah disasarkan oleh pengkaji. Objektif-objektif berikut adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.4.2 Menilai pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat yang dilaksanakan di Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Perak.

1.4.3 Menilai pelaksanaan amalan *talaqqi* dan *musyafahaah* berlaku di Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Perak.

1.4.4 Meninjau sukatan pembelajaran Ilmu Qiraat yang ditawarkan di Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Perak.

1.4.5 Menilai tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar berdasarkan Ilmu Qiraat.

1.4.6 Mengkaji hubungan yang signifikan di antara amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dengan penguasaan bacaan Qiraat pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa rasional soalan berikut:

1.5.1 Apakah amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dilaksanakan di Institusi Tahfiz Al-Quran negeri Perak?

1.5.2 Apakah amalan *Talaqqi* dan *Musyafahaah* dilaksanakan di Institusi Tahfiz Al-Quran negeri Perak?

1.5.3 Apakah sukatan pembelajaran Ilmu Qiraat yang dilaksanakan di Institusi Tahfiz Al-Quran negeri Perak?

1.5.4 Apakah tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar berdasarkan Ilmu Qiraat di Institusi Tahfiz Al-Quran negeri Perak?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.5.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dengan penguasaan bacaan Qiraat pelajar Institusi Tahfiz Al-Quran negeri Perak?

## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian menilai amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dan penguasaan bacaan al-Quran pelajar institusi tahfiz al-Quran negeri Perak. Asas pembelajaran ini dinyatakan oleh Allah SWT melalui surah al-Qiyamah (75:16-19). Pembelajaran Ilmu Qiraat ini berlaku sepanjang penurunan al-Quran seperti yang dinyatakan dalam surah al-Naml (27:6) secara *Talaqqi* dan *Musyafahah*. Pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat yang menjadi fokus kajian ini merujuk kepada teori Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994).

Ibn al-Jazariyy (1994) menjelaskan bahawa amalan pembelajaran Ilmu Qiraat terdiri daripada tiga perkara utama iaitu *Rasm Uthmaniy*, bahasa Arab dan kesahihan sanad (Ilmu Qiraat). Untuk mempelajari Ilmu Qiraat mesti melalui rukun yang tiga. Pertama menepati salah satu daripada bentuk *Rasm 'Uthmaniy*, kedua menepati salah satu daripada kaedah bahasa Arab dan ketiga kesahihan *sanad.* Kesahihan *sanad* menjadi tunjang kepada proses pembelajaran Ilmu Qiraat (Sha'ban, 2004). Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang diadaptasi dan diubah suai daripada teori pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 1.1.* Kerangka teori yang diadaptasi dan diubah suai daripada teori Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994)

Ibn al-Jazariyy (1994) turut menjelaskan bahawa syarat utama dalam amalan pembelajaran Ilmu Qiraat adalah membaca al-Quran dan Qiraat secara *Talaqqi* dan *Musyafahah.* Amalan pembelajaran al-Quran dan Ilmu Qiraat perlu berlakunya *Naqlu* bacaan guru kepada pelajar. Bacaan yang diambil daripada guru yang mempunyai rangkain sanad yang bersambung bacaan hingga kepada Rasulullah SAW. Melalui rajah di atas, dapat difaham bahawa seorang pelajar Ilmu Qiraat mestilah berguru dengan seorang yang mahir al-Quran dan Qiraat. Mengambil bacaan daripada seorang yang tiada latarbelakang pendidikan atau tiada sanad, adalah tidak menepati pembelajaran yang bersambung sanad seperti yang dinyatakan Ibn al-Jazariyy dalam *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



فكن على نهج سبيل السلف          في مجمع عليه أومختلف

Semua dasar penting dalam teori Pembelajaran al-Quran dan Qiraat mesti melalui *talaqqi dan musyafahah*. Imam *Syatibiy* menyebut mengenai para Imam *Qura'* mengambil dan memindahkan bacaan dengan baik kepada kita.

جَزَى اللهُ بِالْخَيْرَاتِ عَنَّا أَئِمَّةً          لَنَا نَقَلُوا القَرآنَ عَذْباً وسَلْسلاَ

Semoga Allah membalasi dengan kebaikan kepada para Imam *Qurra.* Mereka mengambil dan memindahkan (*talaqqi*) bacaan al-Quran untuk kita tanpa terputus sanad seperti air segar dan tawar (sangat sempurna seperti air yang sangat bersih dan suci)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap pelajar perlu mendapatkan ayat al-Quran yang dihafaz secara *talaqqi* dan *musyafahah* berdasarkan Ilmu Qiraat yang mutawatir. Proses ini bagi memastikan mereka menghafaz sesuatu yang betul dari segi sebutan (*lafaz*) setiap kalimah al-Quran yang dihafaz. Perkara yang menjadi kombinasi kerangka teori ini, iaitu Guru bersanad, talaqqi dan musyafahah serta Ilmu Qiraat *mutawatirah* merupakan asas utama bagi memelihara bacaan Al-Quran.

Proses mengambil bacaan al-Quran mesti berdasarkan *Sama' a'la Syeikh* atau *Qira'ah a'la Syeikh*. Proses ini hanya berlaku dengan cara *talqqi* dan *musyafahah*. Kerangka teori ini berdasarkan ketetapan khalifah Islam ketiga iaitu Saidina Uthman bin Affan. Ini bagi memastikan yang dihafaz dapat dipelihara itu adalah al-Quran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sebenar seperti yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. Teori ini dapat dijadikan asas bagi membina sukatan "Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat" di institusi tahfiz dalam memelihara al-Quran agar tiada percampuran dengan bacaan yang tidak sah.

Daripada kerangka teori kajian ini penyelidik membina kerangka konseptual kajian yang bertepatan dengan objektif kajian. Secara umumnya objektif kajian adalah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam proses pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dan *Talaqqi Musyafahah*. Kajian ini menumpukan kepada kerangka teori kajian yang menggabungkan teori Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy dan Model Pembelajaran *Talaqqi* dan *Musyafahah* Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy (1994). Rajah 1.2 menunjukkan model *Talaqqi* dan *Musyafahah* yang diadaptasi dan diubah suai daripada Model Pembelajaran *Talaqqi Musyafahah* al-Quran dan Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariy (1994)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 1.2*. Model *Talaqqi* dan *Musyafahah* Ibn al-Jazariy (1994)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Ibn al-Jazariy (1994) turut menjelaskan bahawa syarat utama dalam Pembelajaran al-Quran dan Ilmu Qiraat adalah membaca al-Quran mengikut sanad bacaan secara *Talaqqi* dan *Musyafahah*. Pelajar didedahkan dengan kaedah *'ilmiy* )teori) atau *'amaliy* (praktikal). Kaedah *'ilmiy* merangkumi *usul al-Qiraat* dan *farsh al-Huruf*. Manakala *'amaliy* pula merangkumi bacaan al-Qiraat secara *ifrad* dan *jama'*. Semua proses itu mesti melalui *Talaqqi* dan *Musyafahah* samada *mutaqaddimin (Sama' 'ala Syeikh)* atau *mutakhkhirin (Qiraatu 'ala Syeikh)*. Proses yang merangkumi rukun, syarat dan kaedah yang sempurna menghasilkan hasil pembelajaran selaras dengan matlamat dan objektif yang telah dinyatakan iaitu memelihara al-Quran.

Aspek yang lebih penting adalah pembelajaran Ilmu Qiraat mampu memelihara bacaan al-Quran yang pelbagai. Melalui amalan pembelajaran Ilmu Qiraat di atas mampu menjadikan hafiz dan hafizah yang lebih berkualiti, menguasai bacaan Qiraat dan memelihara keseluruhan bacaan al-Quran.

Pemilihan Model Pembelajaran *Talaqqi* dan *Musyafahah* Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy(1994) memberikan penekanan kepada penambahbaikan pemebelajaran Ilmu Qiraat dan *Talaqqi Musyafahah* di institusi tahfiz Negeri Perak. Penggunaan Model Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy dalam menilai pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat membolehkan suatu usaha dan tindakan yang sistematik dalam mengumpul maklumat serta data kajian untuk tujuan menilai kualiti program secara menyeluruh dan berperanan sebagai proses yang akan bertindak dalam penambahbaikan pembelajaran Ilmu Qiraat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Model Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy ini juga dipilih kerana bersifat komprehensif dan sesuai untuk memperoleh data-data yang diperlukan dalam membuat penilaian dalam pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat. Ia mengambil kira banyak aspek yang boleh menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat.

Ibn al-Jazariy (1994) menjelaskan bahawa Pembelajaran Ilmu Qiraat terdiri daripada tiga rukun utama iaitu *Rasm Uthmaniy*, bahasa Arab dan kesahihan sanad (Ilmu Qiraat). Untuk mempelajari al-Quran dan Ilmu Qiraat mesti melalui rukun yang tiga, iaitu pertama menepati salah satu daripada bentuk *Rasm Uthmaniy*, kedua menepati salah satu daripada kaedah bahasa Arab dan ketiga kesahihan sanad. Kesahihan sanad menjadi tunjang kepada proses amalan pembelajaran Ilmu Qiraat (Sha'ban, 2004). Rajah 1.3 menunjukkan kerangka konseptual kajian Ilmu Qiraat dalam Model Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariyy.




*Rajah 1.3*. Kerangka konseptual kajian Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariy (1994)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Berdasarkan rajah 1.3 di atas, bagi melahirkan pelajar yang menguasai dan memelihara bacaan al-Quran, pelajar tahfiz al-Quran perlu mematuhi manhaj (Rukun) pembacaan dan penulisan mengikut ketetapan Khalifah Uthman bin Affan RA. Kedua perlulah menepati kaedah bahasa Arab (Ilmu *Nahu*). Semua bacaan Qiraat *mutawatirah* menepati kaedah *Nahu* bahasa Arab. Pembelajaran al-Quran dengan Ilmu Qiraat dapat melahirkan pelajar yang menguasai sebutan huruf dan bahasa Arab *fusha*. Mereka juga perlu menguasai Ilmu Qiraat tujuh Imam As-Syatibiyy dan Ilmu Qiraat sepuluh Imam Ibnu Al-Jazariyy. Bacaan Qiraat As-Syatibiyy dan Ibnu Al-Jazariyy telah disepakati oleh seluruh ulama. Adapun bacaan selain mereka, dikuatiri pelajar tersasar dari bacaan yang *mutawatirah*.

Rukun ketiga menurut Ibnu Al-Jazariy adalah sanad. Sanad menjadi penentu bacaan al-Quran yang betul (bacaan yang diterima) atau salah (bacaan *Shadhdhah* atau yang ditolak) iaitu menepati dengan bacaan yang mutawatir. Pelajar perlu mengetahui sanad bacaan kerana al-Quran adalah dasar utama agama. Amanah ini perlu diambil daripada yang berkelayakkan. Menghafaz al-Quran dan Qiraat daripada guru yang tiada bersanad, dibimbangi meriwayatkan bacaan yang salah. Sudah pasti tidak dapat melahirkan pelajar yang menguasai dan memelihara bacaan Qiraat al-Quran.

Menurut Imam Ibn al-Jazariy (1994) (Muhammad Salim Muhaisin.1997), *Talaqqi* dan *Musyafahah* al-Quran dan Qiraat, perlu dilakukan dihadapan guru atau mendengar bacaan guru secara terus. Guru yang diambil bacaannya mestilah seorang yang mahir al-Quran serta mempunyai sanad yang bersambung hingga kepada Rasulullah SAW. Mereka yang telah melalui proses *Talaqqi* dan *Musyafahah* layak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dianggap *Qari* atau guru al-Quran. Seseorang yang belajar melalui proses ini juga layak menyampaikan bacaan tersebut kepada orang lain.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Daripada aspek kepentingan kajian ini yang dapat dimanfaatkan antaranya ialah:

1. Secara ilmiah

   a) Sebagai panduan kepada masyarakat Islam, memahami serta menghayati Ilmu Qiraat dan penguasaan bagi memelihara bacaan al-Quran.

   b) Dapat memberi sumbangsih pemikiran baik berupa perbendaharaan konsep, metode, dalam studi khazanah Islam dan masyarakat terhadap keluasan ilmu bacaan al-Quran yang pelbagai dan membantu penghafalan serta sebutan yang tepat.

   c) Sebagai suatu natijah kepada para ilmuwan Islam agar mempunyai pengetahuan yang sewajarnya dan memainkan peranan mereka dalam mendedahkan Ilmu Qiraat ini kepada masyarakat dan ilmuwan Islam yang lain. Melalui cara ini, mereka akan memperolehi gambaran sebenar mengenai disiplin ilmu Qiraat secara menyeluruh.

2. Secara amaliah

   a. Dapat memberi pemahaman kepada masyarakat Islam, khususnya para pelajar institusi tahfiz di Negeri Perak, tentang keluasan dan kemudahan bacaan al-Quran yang pelbagai boleh dibaca di dalam dan di luar solat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



b. Kajian ini juga akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat. Mengenal pasti kekuatan yang telah dilaksanakan penting agar kita mengetahui kekuatan sebenar yang ada pada kita. Seterusnya memaksimumkan kekuatan ini untuk memastikan pelaksanaan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Manakala kelemahan pula yang dikenal pasti memerlukan pemulihan dan penyelesaian yang segera agar kesempurnaan pelaksanaan pembelajaran dapat dimaksimumkan.

c. Dapat digunakan sebagai bahan referensi dalam menyingkapi hal-hal berkaitan perbezaan bacaan-bacaan yang *mutawatirah*.

d. Daripada aspek polisi pula, kajian ini dapat membantu pihak berwajib di Negeri Perak khususnya dan Malaysia umumnya merangka pelan tindakan komprehensif dalam usaha memelihara bacaan al-Quran serta memperluaskan skop penyebaran Ilmu Qiraat agar ia dilihat seiringan dengan ilmu-ilmu Islam yang lain.

e. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada badan penilai akademik seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam pelaksanaan kurikulum Qiraat di Malaysia. Badan penilai ini boleh memberi pandangan dan cadangan mengenai kekuatan dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan amalan ilmu Qiraat di Institusi Tahfiz.

Berdasarkan perkara di atas, sudah pasti kajian ini dilihat secara tidak langsung memberi input bermanfaat kepada pelajar, masyarakat, ilmuwan tentang kepentingan kombinasi Ilmu Qiraat dalam usaha membentuk masyarakat yang celik al-Quran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Dengan adanya kajian sebegini, sekurang-kurangnya dapat menampung keperluan ilmiah di dalam disiplin ilmu al-Quran yang sememangnya bersifat universal. Justeru, amat wajarlah bagi pengkaji untuk menggembeling tenaga dan masa bagi mengkaji permasalahan berbangkit secara kritis agar ia dapat memartabatkan lagi kemurnian dan kesucian al-Quran daripada sebarang kesalahfahaman dan menjadi suatu sumbangan sangat bernilai kepada masyarakat dan kerajaan pada masa hadapan. Kajian ini juga dapat menjadi bahan panduan kepada orang awam secara umum dan dalam kalangan intelektual Islam khususnya.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini secara umum adalah berkaitan Ilmu Qiraat dan penguasaan bacaan Qiraat pelajar bagi memelihara bacaan al-Quran. Tumpuan khusus kajian menumpukan perbincangan mengenai *Wujuh Qiraat Mutawatirah* yang merupakan sebahagian al-Quran bagi menepati dengan permasalahan kajian yang ingin dilaksanakan. Kajian mengenai susur galur Ilmu Qiraat, perkaitan dengan al-Quran dan kewajipan memeliharanya serta sejauh mana amalan, sukatan pelajaran dan pendedahannya dalam kalangan pelajar tahfiz di Institusi Tahfiz al-Quran negeri Perak. Kajian ini terbatas kepada :

I. Semua institusi tahfiz al-Quran dalam negeri Perak yang menawarkan subjek Ilmu Qiraat, walaupun sebagai subjek tambahan atau elektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



II. Semua institusi tahfiz al-Quran dalam negeri Perak yang menawarkan pembelajaran Ilmu Qiraat bermula peringkat rendah sehingga diploma Tahfiz Wal Qiraat.

III. Semua Institusi Tahfiz al-Quran dalam negeri Perak yang berdaftar dengan JAIPK, KPM atau Darul Quran JAKIM. Penulis tidak memasukkan maahad-maahad *Dirasah Islamiyyah* kerana tumpuan institusi tersebut adalah pengajian Islam, bukan Ilmu Qiraat.

IV. Sukatan pembelajaran Ilmu Qiraat. Penulis tidak memasukkan subjek hafazan kerana bukan tujuan kajian.

*V.* Aspek kajian hanya memberi fokus kepada penguasaan bacaan al-Quran dan Qiraat. Iaitu, aspek penguasaan dan pemeliharaan bacaan yang *mutawatirah*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.9 Definisi Istilah Kajian

Beberapa konsep dan istilah diperjelaskan bagi memudahkan pelaksanaan dan pemahaman penyelidik dalam kajian ini. Berdasarkan tajuk kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji iaitu amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dan penguasaan bacaan Qiraat pelajar. Penulis akan membuat beberapa definisi dan rasional skop kajian bagi merealisasikan objektif kajian agar dapat dicapai. Beberapa konsep dan istilah diperjelaskan bagi memudahkan pelaksanaan dan pemahaman penyelidik dalam kajian ini. Konsep penting yang digunakan dan dijadikan fokus utama kajian dihuraikan definisi operasional yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Pandangan dan pendapat tokoh-tokoh tertentu dijadikan asas panduan serta pengetahuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.1 Amalan

Amalan bermaksud perlaksanaan sesuatu perkara. Amalan atau tabiat yang sudah menjadi kebiasaan. Dalam kajian ini merujuk kepada sukatan pelajaran, jadual pengajian dan falsafah pendidikan Ilmu Qiraat serta amalan yang dilaksanakan di seluruh institusi tahfiz di negeri Perak. Menurut Ornstein & Hunkins (2009) bahawa amalan pelaksanaan sesuatu kurikulum merupakan satu proses yang boleh membawa sesuatu perubahan baru. Ia melibatkan proses penstrukturan semula dan menggantikan yang lama dengan yang baharu.

Proses ini memerlukan penyesuaian dari segi kebiasaan personal, persekitaran pembelajaran, kurikulum yang dimasukkan dan prosedur yang digunakan. Pelaksanaan amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dalam kajian ini merujuk kepada pelaksaaan sukatan yang digubal dan diguna pakai untuk subjek Qiraat di institusi tahfiz al-Quran negeri Perak. Ahmad Mohd Salleh (2008) menyatakan bahawa amalan merupakan suatu proses atau suatu sistem yang merangkumi aktiviti-aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sewajarnya, seperti merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang selanjutnya dengan lebih berkesan.

### 1.9.2 Pembelajaran

Pembelajaran menurut Kamus Dewan (2010), proses (kegiatan) belajar. Pembelajaran ialah perihal pemerolehan, atau pengubahsuaian dan pengukuhan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bagi pengetahuan, tingkah laku, kemahiran, nilai, atau keutamaan yang baharu atau sedia ada masing-masing dan boleh melibatkan sintesis jenis maklumat berlainan. Proses menimba ilmu pengetahuan. Dalam kajian ini merujuk kepada kurikulum pengajian al-Quran dan Ilmu Qiraat. Menurut al-Qadiy (1989) bahawa Pembelajaran Ilmu Qiraat adalah perselisihan *wajah-wajah* Qiraat dan bacaan al-Quran. Ia menghuraikan manhaj (kurikulum) bacaan setiap imam Qiraat dan perawinya serta dapat membezakan *khilaf* (perselisihan) bacaan antara imam-imam Qiraat dan perawi-perawinya.

### 1.9.3 Ilmu Qiraat

Bermaksud perkaitan perbezaan pada *Usul* dan *khilaf Farsh al-Huruf* yang terdapat dalam Qiraat Mutawatir sama ada Qiraat tujuh atau sepuluh. Menurut Ibn al-Jazariyy (1994) al-Qiraat adalah suatu cabang ilmu tatacara dan melengkapkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaan-perbezaan yang disandarkan kepada pembawanya. Menurut al-Banna (1987) bahawa al-Qiraat adalah suatu ilmu yang diketahui daripadanya permuafakatan pembawa-pembawa kitab Allah SWT (*wajah-wajah* bacaan Qiraat) dan perselisihan mereka dalam perkara-perkara seperti *hazf*, *ithbat*, *al-fasl*, *al-wasl* dan lain-lain bacaan dari segi pendengaran.

Muhaysin (1982) dan al-Qadiy (1989) menyatakan bahawa al-Qiraat membawa maksud satu ilmu yang membincangkan tentang kalimah-kalimah al-Quran dan cara menyebut kalimah-kalimah tersebut seperti *madd*, *qasr*, *imalah*, *tashil* dan sebagainya yang dimasyhurkan oleh pembawanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Ilmu Qiraat dalam kajian ini bermaksud Ilmu Qiraat yang berada di dalam manhaj (sukatan pembelajaran) yang ditawarkan di institusi tahfiz al-Quran negeri Perak.

### 1.9.4 Institusi Tahfiz Al-Quran

Pusat pendidikan yang menawarkan program menghafaz al-Quran samada sepenuh masa atau separuh masa. Menjadikan Ilmu Qiraat sebagai subjek teras atau pilihan. Biasanya menggunakan perkataan maahad atau pusat pengajian. Terdapat 4 buah Tahfiz SMTDR, sebuah TMUA dan Maahad-Maahad Tahfiz swasta yang berdaftar di bawah JAIPK. Setakad (Sept. 2020) sebanyak 65 buah Maahad Tahfiz swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Perak. Termasuk juga dua buah pusat pegajian tahfiz dan Qiraat diperingkat diploma Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ).

## 1.10 Penutup

Bab ini telah menjelaskan tentang pendahuluan, latar belakang amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dan perkembangan serta perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat di negeri Perak, pernyataan masalah yang menghuraikan permasalahan serta isu yang berlaku dalam amalan pembelajaran Ilmu Qiraat, objektif dan persoalan kajian. Bab ini diteruskan dengan kerangka teori kajian yang menggunakan teori Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariy. Pada akhir bab ini, terdapat kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi-definisi istilah yang berkaitan dengan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Bab ini telah menjelaskan tentang pendahuluan, latar belakang amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dan perkembangan serta perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan pembelajaran Ilmu Qiraat di negeri Perak, pernyataan masalah yang menghuraikan permasalahan serta isu yang berlaku dalam amalan pembelajaran Ilmu Qiraat, objektif dan persoalan kajian. Bab ini diteruskan dengan kerangka teori kajian yang menggunakan teori Pembelajaran Ilmu Qiraat Ibn al-Jazariy. Pada akhir bab ini, terdapat kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi-definisi istilah yang berkaitan dengan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi